

Sampah, lumpur penuhi longkang

Punca banjir kilat di Taman Rasah Jaya Fasa 5

Oleh Mohd Amin Jalil
hnews@bharian.com.my

RASAH: Keadaan sebahagian besar sistem perparitan di Taman Rasah Jaya Fasa 5 di sini, yang dipenuhi tanah dan sampah sarap didakwa menyebabkan air tidak dapat mengalir sempurna, sekali gus mengakibatkan banjir kilat serta mengundang pembiakan nyamuk Aedes.

Sehubungan itu, penduduk meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Perbandaran Seremban (MPS), membuat penyelenggaraan dan pembersihan kerana keadaan

itu berlarutan sejak lebih empat tahun.

Tinjauan *Sentral* mendapati sebahagian longkang utama di taman itu dipenuhi tanah dan sampah hingga menutup sepenuhnya permukaan longkang berkenaan yang mengakibatkan air tidak dapat mengalir.

Penduduk mengeluh mengenai masalah itu kerana ia bukan saja menyebabkan mereka terdedah kepada penyakit, malah menjejaskan imej taman yang terletak bersebelahan dengan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS).

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) taman itu, Norasham Jaafar, berkata taman itu

adalah antara sebahagian kawasan yang sering dilanda banjir kilat yang berpunca daripada sistem perparitan tersumbat.

"Walaupun banjir kilat itu tidak membabitkan keseluruhan taman, ia tetap menyebabkan kesulitan dan mungkin akan terus berlaku pada masa depan jika keadaan longkang utama itu tidak diperbaiki.

"Penduduk berharap pihak berkaitan memberi kerjasama untuk membersihkan sistem perparitan ini secara berkala bagi memastikan masalah ini tidak berulang lagi," katanya yang turut bimbang keadaan itu menyebabkan Aedes membiak.



SISTEM perparitan utama di Taman Rasah Jaya Fasa 5 dipenuhi tanah dan sampah.

Penduduk, Abd Rahim Ahmad, 48, berkata penduduk tidak selesa dengan keadaan sistem perparitan itu yang menjadi punca taman berkenaan tersenarai antara kawasan mencatatkan peratusan tinggi kes denggi.

"Walaupun kami sering menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan taman, tidak membabitkan sistem perparitan utama kerana ia bidang kuasa pihak berkuasa tempatan," dakwanya.